TIMBALAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

CADANGAN PENUBUHAN MALAYSIA-CHINA INSTITUTE (MCI)

Hari ini saya telah mengadakan sesi perbincangan bersama TYT Ouyang Yujing, Duta Besar Republik Rakyat China ke Malaysia, bagi membincangkan kerjasama strategik dua hala, khususnya berhubung cadangan penubuhan **Malaysia-China Institute (MCI)**.

Pada peringkat awal, MCI akan beroperasi menggunakan kemudahan **GIATMARA sedia ada di Bagan Datuk**, sebelum pembangunan kampus tetap baharu yang akan dibina di atas tanah seluas **60 ekar** nanti. Institut ini disasarkan untuk menampung sehingga **2,000 orang pelajar** dengan tumpuan kepada pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) berimpak tinggi dan bernilai tambah tinggi (*High-Growth, High-Value*).

Kerjasama TVET antara Malaysia dan China yang telah dibincangkan termasuklah **pembangunan modal insan**, **latihan pengajar (*training of trainers*)**, **sokongan peralatan serta kemahiran teknikal**, termasuk keperluan **penghantaran tenaga pengajar bahasa Mandarin ke MCI.** Kedua-dua pihak bersetuju bahawa penubuhan MCI berpotensi menjadi **platform strategik** bagi memperkukuh pertukaran pengetahuan, kepakaran dan latihan antara institusi Malaysia dan China.

Sebanyak **18 bidang TVET** telah dikenal pasti untuk pelaksanaan awal, antaranya melibatkan bidang **automotif, kenderaan elektrik (EV)**, **automasi industri**, **tenaga solar**, **robotik**, **Internet of Things (IoT)** serta **agroteknologi**.

Sebagai langkah ke hadapan, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menubuhkan **Jawatankuasa Kerja Bersama** di samping melaksanakan **program mobiliti pelajar dan tenaga pengajar** dalam sektor-sektor berimpak tinggi bagi menyokong pembangunan bakat dan keperluan industri masa hadapan.

AHMAD ZAHID HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri
Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

5 Februari 2026